

# **KAJIAN PENGAJARAN: MENINGKATKAN KEMAHIRAN PERBUALAN BERDASARKAN GAMBAR BAGI MURID DARJAH 4**

**Nuraishah Binte Mahmood**  
Sekolah Rendah Huamin  
Pusat Bahasa Melayu Singapura  
13 Bishan Street 14, Singapore 579782  
nuraishah\_mahmood@moe.edu.sg

**Helmeleya Binte Mohd Jamil**  
Sekolah Rendah Huamin

## **Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk meningkatkan kemahiran bertutur berdasarkan gambar bagi murid Darjah 4 melalui kajian pengajaran. Tinjauan awal yang dijalankan menunjukkan bahawa murid lazimnya mampu bertutur dengan yakin apabila berinteraksi dengan rakan-rakan tetapi tidak dapat bertutur dengan yakin apabila menggunakan bahasa Melayu baku dalam situasi yang formal. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti keberkesanan usaha yang dijalankan bagi memperbaiki aspek-aspek tertentu dalam pengajaran dan pembelajaran supaya murid dapat bertutur menggunakan bahasa Melayu baku dengan berkesan. Melalui kajian pengajaran, guru bekerjasama untuk menghasilkan strategi yang lebih efektif dalam pengajaran dan pembelajaran. Selepas kitaran kajian pengajaran pertama, guru berbincang untuk mengenal pasti perkara-perkara yang boleh diperhalus dalam pengajaran. Ini membantu guru untuk menyemak semula rancangan pengajaran yang telah dijalankan dan memperbaiki teknik mengajar. Hasilnya dapat dilihat semasa kitaran kajian pengajaran kedua dijalankan. Murid didapati mampu bertutur dengan lebih yakin dan cekap.

**Kata Kunci:** *Kajian Pengajaran, Kemahiran Perbualan, Sebutan Baku, Autentik, Video*

## **1. Pengenalan**

Bahasa merupakan perkara yang paling penting dalam komunikasi. Siti Hajar Abdul Aziz (2009) menyatakan bahawa kemahiran bertutur merupakan kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh semua orang. Ia merupakan satu aspek penting yang harus diambil kira apabila mengukur penguasaan bahasa seseorang murid. Namun, usaha melengkapkan murid dengan keyakinan dan kecekapan dalam kemahiran lisan merupakan satu cabaran. Proses metakognitif berlaku apabila murid memberikan respons semasa pengajaran komunikasi lisan. Guru menghadapi cabaran untuk meneroka dan mengenal pasti pelbagai cara untuk meningkatkan proses pengajaran kemahiran lisan supaya murid mempunyai keyakinan dan kecekapan yang diperlukan untuk bertutur dengan berkesan semasa aktiviti perbualan berdasarkan gambar.

Kajian pengajaran telah digunakan dalam kajian ini untuk menyediakan guru dengan struktur bagi memperbaiki proses pengajaran yang sedia ada bagi kemahiran lisan dan perbualan berdasarkan gambar. Hal ini adalah berdasarkan kepercayaan bahawa amalan pengajaran sentiasa boleh diperbaiki seperti mana pembelajaran murid dan prestasi mereka. Dapatan

daripada rancangan pengajaran pertama dibincangkan dan diperbaiki. Rancangan pengajaran kedua seterusnya dijalankan untuk memperlihatkan hasil daripada pengubahsuaian yang dilakukan pada rancangan pengajaran dalam kitaran yang pertama.

## **2. Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. meningkatkan kemahiran bertutur murid; dan
2. meneliti keberkesanan kajian pengajaran dalam memperbaiki rancangan pengajaran.

Persepsi dan kepercayaan guru adalah perkara penting untuk meningkatkan persediaan dan keberkesanan pengajaran. Melalui kajian ini, guru berharap untuk mengumpulkan persepsi guru terhadap masalah yang dihadapi murid dan guru.

Guru mengenal pasti bahawa komunikasi lisan menggunakan bahasa Melayu baku di Singapura merupakan suatu cabaran. Kebanyakan penutur bahasa Melayu lebih cenderung kepada pertuturan dalam bahasa Melayu yang tidak baku. Bahasa Melayu yang tidak baku ini digunakan di mana sahaja sementara bahasa Melayu standard atau baku digunakan di bilik darjah ketika murid membuat pembentangan atau ketika menyampaikan ucapan di sebuah majlis rasmi. Oleh sebab bahasa Melayu baku jarang digunakan, murid kurang fasih bertutur menggunakan bahasa Melayu baku dalam situasi yang formal.

## **3. Permasalahan Kajian**

Umumnya murid kurang cekap bertutur ketika menjalani aktiviti perbualan lisan. Kajian pengajaran ini bertujuan untuk meneliti teknik-teknik yang digunakan oleh guru untuk mengajar murid dalam perbualan lisan berdasarkan gambar. Jika teknik-teknik pengajaran ini dapat diperhalus, murid boleh dilatih untuk menjadi lebih cekap dan yakin ketika bertutur.

## **4. Kajian Lepas**

Kajian pengajaran telah dilaksanakan oleh ramai para pendidik kerana keberkesanannya dalam memperbaiki pengajaran dan pembelajaran. Banyak faedah yang diraih oleh guru semasa melaksanakan kajian pengajaran. Menurut, Fong dan Phaik (2008), kajian pengajaran menawarkan alat yang boleh guru gunakan untuk mencari punca sebagai penyebab semasa memerhati dan mengesahkan kejayaan dalam pengajaran.

Kajian pengajaran yang diusahakan oleh Fang dan Kum-Eng (2010) selama dua tahun mendapati bahawa kajian pengajaran boleh menghasilkan pengajaran yang lebih baik secara berterusan. Selain itu kajian pengajaran dapat membina hubungan yang baik dalam kalangan guru yang terlibat dalam kajian.

Catherine Lewis, Rebecca Perry, Jacqueline Hurd dan Mary Pat O'Connell (2006) pula berpendapat bahawa kajian pengajaran merupakan satu kaedah pengajaran yang dapat meningkatkan mutu pengajaran guru dan pada masa yang sama meningkatkan keupayaan murid dalam pembelajaran.

Berdasarkan pandangan para pengkaji terdahulu mengenai keberkesanan kajian pengajaran, pendekatan yang serupa digunakan bagi membimbing murid mempertingkatkan kemahiran bertutur menggunakan sebutan baku.

## **5. Kaedah Kajian**

Pertimbangan yang diambil kira sebelum menjalankan kajian pengajaran ini ialah tahap kemampuan murid bertutur. Penguasaan murid dari segi kemahiran berbahasa dikenal pasti oleh guru. Bahan pengajaran direka oleh guru dan disesuaikan kepada tahap pembelajaran murid. Perbincangan yang mendalam mengenai teknik pengajaran dilakukan sebelum dan sesudah kedua-dua kitaran kajian pengajaran dijalankan.

Kaedah kajian pengajaran yang digunakan melibatkan pemantauan reaksi dan respons murid kepada teknik-teknik yang diajarkan dalam pengajaran lisan. Setelah kajian pengajaran selesai, guru yang mengajar, guru pemerhati dan orang yang berpengetahuan berbincang mengenai perkara-perkara yang telah diperhatikan dalam kitaran kajian pengajaran pertama. Fokus perbincangan berpusatkan pada reaksi dan respons murid ketika belajar. Hasil pemantauan reaksi dan respons murid inilah yang diukur untuk memastikan keberkesanan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru.

Selain daripada kajian literatur, kajian melalui pemantauan di dalam kelas juga dijalankan untuk mendapatkan analisis yang lebih tepat. Kajian menggunakan kaedah kuasi-eksperimen untuk mendapatkan data kuantitatif dijalankan terhadap murid dalam tingkatan yang sama. Kelas A diajar menggunakan teknik pengajaran perbualan lisan yang biasa dijalankan. Kelas B pula didedahkan kepada teknik pengajaran lisan melalui kaedah kajian pengajaran. Pencerapan dilakukan untuk mendapatkan data kualitatif.

Metodologi kajian ini dibahagikan kepada beberapa peringkat iaitu:

- a. Mempelajari mengenai kajian pengajaran melalui bengkel yang dijalankan di sekolah;
- b. Merancang teknik-teknik yang sesuai untuk digunakan dalam kajian pengajaran yang pertama;
- c. Mengumpul data kualitatif melalui pencerapan dan pencerapan semasa kajian pengajaran pertama dijalankan;
- d. Menganalisis data melalui perbincangan mengenai kajian pengajaran pertama untuk memperhalusi teknik-teknik; dan
- e. Menjalankan kajian pengajaran kedua berdasarkan perbincangan yang dijalankan.

### **5.1 Subjek Kajian**

Subjek kajian ini terdiri daripada seramai 24 orang murid Darjah 4 daripada golongan murid yang mempunyai keupayaan bertutur yang rendah.

### **5.2 Prosedur Kajian**

Aktiviti yang ditetapkan bagi kelima-lima instrumen kajian melibatkan semua responden. Masa yang diperuntukkan untuk kajian pengajaran pertama ini ialah 90 minit.

### **5.3 Bahan dan Strategi Pengajaran**

Berikut merupakan bahan pengajaran yang digunakan di dalam kitaran kajian pengajaran yang pertama:

- 5.3.1 Pertama ialah 'Kotak Misteri' yang diisi dengan pelbagai kata kerja bagi aktiviti induksi. Murid dikehendaki untuk melakonkan kata kerja yang dipilih. Murid yang lain harus meneka kata kerja yang dilakonkan itu. Instrumen ini digunakan untuk mengumpulkan maklumat tentang pengetahuan murid mengenai kata kerja yang digunakan di dalam aktiviti perbualan berdasarkan gambar itu.
- 5.3.2 Kedua ialah penggunaan klip video yang menunjukkan situasi-situasi yang autentik di kantin. Situasi-situasi tersebut menunjukkan murid yang tidak beratur semasa membeli makanan di gerai, murid terjumpa sebuah dompet, murid yang melanggar peraturan sekolah dengan berlari-lari di kantin dan juga murid yang tidak memulangkan pinggan yang kotor selepas menggunakannya. Murid diminta untuk memberikan respons menggunakan strategi *Think-Pair-Share*. Instrumen ini digunakan untuk mengumpul maklumat mengenai respons subjek apabila didedahkan kepada situasi yang autentik sebelum melakukan aktiviti perbualan berdasarkan gambar.
- 5.3.3 Ketiga ialah kad imbasan. Murid dikehendaki berbincang untuk memadankan kad imbasan yang merupakan beberapa kata kerja dengan pelbagai situasi yang terdapat dalam gambar. Instrumen ini digunakan untuk mengumpul data tentang kebolehan murid memberikan respons tentang gambar. Murid sepatutnya memberikan respons lebih baik jika murid tahu bahawa setiap situasi yang terdapat itu merupakan suatu aksi yang boleh diterangkan melalui penggunaan kata kerja.
- 5.3.4 Keempat merupakan strategi *5Ws1H* yang digunakan murid untuk membina ayat-ayat yang sesuai untuk gambar yang telah dipadankan dengan kata kerja yang sesuai. Instrumen ini digunakan untuk mengumpul data sama ada strategi ini merupakan struktur yang sesuai untuk membantu murid merancang sebelum bertutur.
- 5.3.5 Kelima merupakan penggunaan strategi pembelajaran koperatif untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang disarankan. Instrumen ini digunakan untuk mengetahui strategi yang paling sesuai untuk digunakan bagi merangsang subjek untuk berfikir dan berbual dengan lebih baik.

## 6. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Markah yang diperolehi kedua-dua kelas telah dipantau sejak bulan Januari, 2010. Markah untuk topik lisan setelah kajian pengajaran dijalankan juga dipantau. Data ini digunakan untuk membandingkan prestasi murid sebelum dan sesudah kajian pengajaran untuk kelas kedua. Markah pencapaian murid kemudian dibandingkan pula dengan markah kelas A.

Sebelum kajian pengajaran dijalankan bagi Kelas B, tiada murid dari kelas itu mendapat markah Band 2 untuk peperiksaan lisan SA1. Selepas kajian pengajaran ini dijalankan, 66.7% murid daripada Kelas B mendapat markah Band 2 ke atas untuk peperiksaan lisan SA2. Keputusan ini amat memuaskan.

Keputusan lisan bagi murid di Kelas A yang mendapat Band 2 untuk peperiksaan lisan meningkat dari 4% (SA1) hingga 30% (SA2). Namun, peningkatan ini tidak sebaik peningkatan untuk murid-murid di Kelas B.

Melalui dapatan kajian dan perbincangan, teknik-teknik diperhalus dan kemudiannya digunakan dalam kajian pengajaran yang kedua. Perbincangan dilakukan dengan bertujuan untuk menganalisis keupayaan murid berfikir secara lebih mendalam dan terperinci. Guru harus berusaha untuk mengenal pasti sejauh mana tahap pemahaman murid dalam pengajaran yang telah dijalankan. Jika terdapat sebarang keraguan di dalam diri murid untuk memahami pengajaran, guru dikehendaki mengetahui mengapa murid tidak memahami pengajaran tersebut. Pandangan dari sudut murid juga penting kerana melalui pandangan inilah guru dapat memahami masalah, kesukaran dan salah tanggapan yang murid alami. Berikut merupakan dapatan kajian:

1. Aktiviti set induksi harus diselarikan dengan tema pengajaran

Pendekatan menggunakan Kotak Misteri kurang sesuai untuk membantu murid bertutur dengan lebih baik kerana ia merupakan suatu aktiviti lakonan, walhal, tema untuk pengajaran ini ialah mengenai pertuturan. Oleh sebab itu para guru bercadang untuk memasukkan bacaan pantun beramai-ramai untuk memberikan murid peluang untuk bertutur dari peringkat awal dalam pengajaran ini.

2. Murid harus diberikan model untuk mendeskripsikan gambar

Di dalam kajian pengajaran pertama, murid hanya diberikan strategi *5Ws* dan *IH* untuk membantu mereka mendeskripsikan gambar. Namun, strategi ini kurang efektif. Setelah perbincangan dijalankan, guru-guru bersetuju bahawa model yang berstruktur diperlukan untuk menolong murid mendeskripsikan gambar dengan lebih baik. Murid harus diajarkan cara-cara yang betul untuk membuat pengenalan, menerangkan dan juga memberikan pendapat dengan lebih berstruktur.

3. Penggunaan papan tulis lebih efektif untuk menyedarkan murid tentang penyalahgunaan bahasa.

Guru berpengetahuan berpendapat bahawa penggunaan papan tulis adalah perlu dalam pengajaran supaya '*Visual Learners*' dapat meraih lebih banyak manfaat. Apabila murid menggunakan bahasa Melayu yang bukan standard dalam pembentangan, guru harus menyenaraikan perkataan itu di papan tulis pada masa yang sama supaya masalah itu dapat diterangkan dan dilerai. Sebagai contoh, jika murid menggunakan perkataan 'tengok' guru harus mencatatkan perkataan itu dan kemudiannya menulis perkataan 'melihat' di papan tanda bagi menerangkan kepada murid tentang penggunaan bahasa Melayu Standard yang betul. Dengan cara ini, guru dapat membantu meningkatkan kemahiran penggunaan Bahasa Melayu Standard murid pada waktu itu juga.

4. Mikrofon harus digunakan dalam pembentangan untuk meningkatkan tahap keyakinan murid

Murid menghadapi masalah untuk berbual dengan suara yang lebih kuat apabila membuat pembentangan. Ini menjejaskan keyakinan murid kerana pembentangan mereka tidak dapat didengar oleh semua. Para guru bercadang supaya murid menggunakan mikrofon apabila membuat pembentangan supaya suara murid dapat didengar oleh semua dan selain itu juga langkah ini diharapkan akan dapat meningkatkan tahap keyakinan mereka.

5. Video menunjukkan situasi autentik sesuai dan efektif bagi pengajaran lisan berdasarkan bergambar.

Guru mendapati bahawa penggunaan video untuk menunjukkan situasi autentik mengenai perkara-perkara yang terjadi di dalam kantin itu sesuai dan efektif bagi mendapatkan respons yang lebih baik daripada murid. Penggunaan video akan terus digunakan bagi kajian pengajaran yang kedua.

Berdasarkan kekurangan yang terdapat dalam kajian pengajaran yang pertama, para guru berbincang dan memperhalus teknik-teknik yang terdapat di dalam kajian pengajaran pertama dan kemudian, menjalankan kajian pengajaran kedua. Ini memberikan peluang untuk guru mengaplikasikan rancangan yang baharu melalui penelitian dapatan kajian.

Dalam kajian pengajaran kedua, didapati murid lebih memahami pengajaran. Tahap keyakinan murid dapat dilihat ketika mereka melakukan pembentangan. Selepas menjalankan kajian pengajaran yang kedua, guru meramalkan cara murid memberi respons. Dalam pengajaran, pemerhatian guru berpusat pada bagaimana murid mentafsir pengajaran melalui aktiviti-aktiviti yang telah diperhalus.

## **7. Kesimpulan**

Guru-guru bersetuju bahawa kajian pengajaran ini bermakna dan efektif. Kerja keras ini memberikan kepuasan kepada guru. Kajian pengajaran memberikan guru peluang untuk bekerjasama secara kumpulan untuk merancang pelajaran bersama-sama. Tumpuan yang diberikan adalah kepada murid dan hasilnya, guru menjadi lebih prihatin apabila membuat andaian tentang pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran. Guru meraih banyak pengetahuan semasa memerhatikan murid belajar. Daripada kajian yang dijalankan, guru mendapati bahawa penting bagi guru untuk memberikan arahan yang berbeza, mengambil kira gaya pembelajaran murid, melakukan perancangan kolektif dan juga menjalankan refleksi. Guru merasakan bahawa mereka telah mendapat pengetahuan khusus mengenai cara murid belajar.

Kajian pengajaran meningkatkan prestasi pemikiran murid dan merangsang pembangunan profesional guru. Selepas perbincangan kajian pengajaran pertama, orang berpengetahuan memberikan banyak pandangan dan idea untuk memperbaiki pengajaran supaya rancangan pengajaran dapat diperbaiki dan dilakukan di kitaran kajian pengajaran kedua. Guru mengulas bahawa semasa kajian pengajaran pertama, perancangan yang diberikan kepada murid tidak mencukupi. Selepas kajian pengajaran kedua dijalankan, hasilnya lebih positif.

Dalam kajian pengajaran kedua, lebih banyak perancangan telah diberikan. Hasilnya, guru mendapati bahawa murid bercakap lebih kerap. Walaupun guru berpendapat bahawa banyak lagi perkara boleh dilakukan untuk meningkatkan tahap keyakinan murid apabila bertutur, kedua-dua rancangan pengajaran yang dijalankan telah memberikan peluang kepada murid untuk meningkatkan keyakinan dan kecekapan mereka dalam komunikasi lisan. Guru yakin bahawa penyediaan rancangan pengajaran yang baik menjadi alat yang konstruktif dalam usaha untuk mencari strategi pengajaran yang paling sesuai untuk meningkatkan kemahiran lisan.

## Rujukan

- Catherine Lewis, Rebecca Perry, Jacqueline Hurd, & Mary Pat O'Connell (2006), *Lesson Study Comes of Age in North America*, Phil Delta Kappan, Vol.88, No. 04, pp. 273-281
- Catherine Lewis; Rebecca Perry; Aki Murata. (2006) Educational Researcher; Apr 2006; 35, 3; ProQuest Education Journals pg. 3. *How Should Research Contribute to Instructional Improvement? The Case of Less...*
- Fang Yanping dan Kristine Kim-Eng Lee (2010), *Lesson Study and Instructional Improvement in Singapore*. Research Brief No. 10- 001, 1-4
- Foo Kum Fong dan Lee Hwa Phaik (2008), *Building a Professional Learning Community in East Zone through Lesson Study*, Schools Division East
- Jon Saphier, Mary Ann-Haley Speca, Robert Gower, 2008. *The Skillful Teacher: Building Your Teaching Skills*. Research for Better Teaching; 6th edition.
- Siti Hajar Abdul Aziz, 2009. *Siri Pendidikan Guru: Bahasa Melayu II*. Selangor Darul Ehsan: Laser Press Sdn Bhd.
- Suryani Atan, Nadira Mohamed Sedik, Taty Fairuwani Hamwal& Ili Sakinah Sarwan (2010), *Kajian Pengajaran: Penilaian Alternatif untuk Guru dalam, Pembudayaan Penilaian Alternatif dan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, Seminar Bahasa Melayu 2010*, Unit Bahasa Melayu, Cawangan Bahasa Ibunda, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura, hal.141-147